



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 34 / 2021

PROSES MENGUNDI AWAL BAGI PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRU DUN) SARAWAK KE-12 PADA 14 DISEMBER 2021

1. Hari ini telah berlangsung proses mengundi awal bagi PRU DUN Sarawak Ke-12 yang bermula pada jam 8.00 pagi. Sejumlah **89%** atau **18,141 orang pengundi** yang terdiri daripada anggota tentera dan pasangan serta anggota polis dan pasangan telah melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengundi awal.
2. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan amat baik pada hari ini.
3. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak, Pihak Berkuasa Tempatan, media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada SPR.

Sekian.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

14 Disember 2021 / 9 Jamadilawal 1443H